



# **RINGKASAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2/2024**

**PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN PERSEKUTUAN**



**JULAI 2024**







# **RINGKASAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2/2024**

**PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

**JULAI 2024**



ISSN 2805-525X



9 7 7 2 8 0 5 2 5 0 0 2

Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:  
Ketua Audit Negara  
Jabatan Audit Negara Malaysia  
Blok F2 dan F3, Kompleks F  
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62000 Putrajaya  
MALAYSIA

Laman web: <https://www.audit.gov.my>  
Emel: [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my)  
Tel.: 603-8091 1000  
Faks: 603-8091 1454

Dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada Julai 2024

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan dan disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Urus Setia Jabatan Audit Negara Malaysia.



Dicetak Oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Kuala Lumpur, 2024

Laman web: [www.printnasiona.com.my](http://www.printnasiona.com.my)  
Emel: [cservice@printnasiona.com.my](mailto:cservice@printnasiona.com.my)  
Tel: 603-9236 6895  
Faks: 603-9222 4773



# KANDUNGAN



# KANDUNGAN

## Muka Surat

|             |       |
|-------------|-------|
| PENDAHULUAN | A - 1 |
|-------------|-------|

## RINGKASAN LAPORAN

### BAHAGIAN I: PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

|                                                    |       |
|----------------------------------------------------|-------|
| <b>1. JABATAN PERDANA MENTERI</b>                  |       |
| - <b>Majlis Profesor Negara</b>                    | 1 - 1 |
| <b>2. KEMENTERIAN KEWANGAN</b>                     |       |
| • <b>Menteri Kewangan (Diperbadankan)</b>          |       |
| - <b>Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.</b>  | 2 - 1 |
| - <b>Rangkaian Hotel Seri Malaysia</b>             | 2 - 5 |
| <b>3. KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH</b>    |       |
| • <b>Majlis Amanah Rakyat</b>                      |       |
| ○ <b>MARA Corporation Sdn. Bhd.</b>                |       |
| - <b>MARA Incorporated Sdn. Bhd.</b>               | 3 - 1 |
| <b>4. KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI</b>            |       |
| - <b>International Islamic University Malaysia</b> | 4 - 1 |
| <b>5. KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA</b>               |       |
| - <b>Pembangunan Sumber Manusia Berhad</b>         | 5 - 1 |

**RINGKASAN LAPORAN**

**BAHAGIAN II: PENGAUDITAN SYARIKAT KERAJAAN  
PERSEKUTUAN DILAPORKAN SECARA RINGKAS**

**6. JABATAN PERDANA MENTERI**

- **Institute of Strategic and International  
Studies (ISIS) Malaysia** 6 - 1

**7. KEMENTERIAN KEWANGAN**

- **Menteri Kewangan (Diperbadankan)**
  - **Khazanah Nasional Berhad**
  - **i2M Ventures Sdn. Bhd.** 7 - 1

**PENUTUP** B - 1



# PENDAHULUAN



# PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 [*Akta 62*] menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan badan dan syarikat Kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan Laporan mengenainya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat.
2. Pengauditan pengurusan badan dan syarikat Kerajaan Persekutuan serta Negeri dilaksanakan selaras dengan peruntukan kuasa Ketua Audit Negara di bawah Perenggan 5(1)(d) Akta Audit 1957 [*Akta 62*]. Perenggan ini memperuntukkan kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit badan lain termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]<sup>1</sup> yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Kuasa ini juga meliputi sesebuah syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan. Selain itu, Perintah Audit (Akaun Badan Lain) 2022 [*P.U.(A) 375/2022*] menyenaraikan syarikat-syarikat yang boleh diaudit.
3. Laporan Ketua Audit Negara 2/2024 ini meliputi tiga bahagian seperti berikut:
  - 3.1. Bahagian I: Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan – Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap enam syarikat Kerajaan Persekutuan;
  - 3.2. Bahagian II: Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Dilaporkan Secara Ringkas - Laporan ini mengandungi hasil pengauditan terhadap dua syarikat Kerajaan Persekutuan; dan
  - 3.3. Bahagian III: Status Tindakan Susulan - Status tindakan bagi isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan (kedudukan setakat 30 April 2024).

---

<sup>1</sup>Digantikan dengan Akta Syarikat 2016

4. Pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan dilaksanakan berfokus terhadap pencapaian objektif penubuhan syarikat dengan meneliti tiga aspek berikut:


- i. pengurusan program/aktiviti utama syarikat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan berhemat;
- ii. elemen tadbir urus korporat syarikat diamalkan selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat; dan
- iii. kedudukan kewangan syarikat berdasarkan penyata kewangan beraudit untuk tempoh tiga tahun terkini adalah kukuh.

5. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat-syarikat yang berkenaan. Pihak pengurusan syarikat juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Penutup. Surat pengesahan (confirmatory letter) juga telah dikemukakan sebelum laporan ini dimuktamadkan. Dalam laporan ini, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan untuk memaklumkan kelemahan yang dikesan. Bagi meningkatkan lagi pencapaian objektif penubuhan syarikat dan menambah baik perkara yang dibangkitkan, saya telah mengemukakan syor yang boleh diambil tindakan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Penambahbaikan berterusan adalah penting bagi memastikan agenda awam yang ditetapkan dilaksana, wujudnya kelestarian jangka panjang dan penciptaan nilai tambah dalam syarikat.

6. Status tindakan bagi isu yang dilaporkan dalam LKAN 2/2024 boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui Auditor General's Dashboard (AGD) di portal Jabatan Audit Negara. Mekanisme ini berjaya membantu kementerian/agensi/syarikat Kerajaan menyalurkan maklum balas dengan lebih cepat. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam LKAN serta meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan kepada pihak awam.

7. Penambahbaikan juga dibuat terhadap format LKAN 2/2024 Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan bagi memastikan ia lebih ringkas dan padat, mudah dibaca dan mesra pengguna serta menunjukkan rumusan Audit yang jelas merujuk kepada objektif penubuhan syarikat.

8. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai syarikat Kerajaan Persekutuan yang telah memberikan kerjasama kepada Jabatan Audit Negara sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini mengikut masa.



**(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)**  
Ketua Audit Negara

**Putrajaya**  
**23 Mei 2024**







# **RINGKASAN LAPORAN**

**Jabatan Perdana Menteri**


**PENGURUSAN  
MAJLIS PROFESOR NEGARA  
(MPN)**



# MAJLIS PROFESOR NEGARA (MPN)

JABATAN PERDANA MENTERI

## LATAR BELAKANG



## OBJEKTIF PENUBUHAN

(Berdasarkan Artikel Pertubuhan pindaan bertarikh 26 Ogos 2019)

**90%** daripada aktiviti melibatkan **pemberian bantuan biasiswa, hadiah, ganjaran, elaun dan penajaan** kepada pelajar kurang bernasib baik untuk membantu membiayai pengajian di institusi pendidikan.

**10%** aktiviti syarikat tertumpu kepada sebarang usaha dalam menyediakan **intervensi latihan, kerja-kerja nasihat dan perundingan** dalam pelbagai bidang yang relevan untuk pembangunan negara secara umum. Aktiviti yang dilaksanakan:

- Membantu kegiatan pembangunan ilmiah
- Membantu penggubalan dasar
- Advokasi sosial
- Membantu serta menyelaraskan pembangunan penyelidikan strategik negara

## PENEMUAN AUDIT

### Lembaga Pemegang Amanah

- Pindaan Artikel Pertubuhan pada tahun 2019 mengakibatkan objektif MPN tidak lagi selari dengan matlamat asal penubuhannya.
- Dua ahli Lembaga Pemegang Amanah (LPA) tidak mengisytihar kepentingannya sebagai pemilik saham kepada dua syarikat persendirian selaras dengan Akta 777 dan penyalahgunaan dana MPN bagi pembiayaan operasi kepada dua syarikat tersebut berjumlah RM373,516 mewujudkan konflik kepentingan.
- Pembayaran elaun tetap Pengerusi dan Timbalan Pengerusi berjumlah RM207,000 tanpa kelulusan menteri yang dipertanggungjawabkan.
- Pembayaran yang dibuat tanpa kelulusan LPA:
  - Honorarium felo penyelidik berjumlah RM399,000.
  - Pemasangan lif dan pengubahsuaian pejabat MPN berjumlah RM82,500.
  - Penyelarasan gaji pengurusan tertinggi MPN berjumlah RM62,500.
  - Pembayaran elaun tetap Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) berjumlah RM66,000.

### Setiausaha Syarikat

Tidak menasihati MPN berkaitan pembubaran syarikat, pelantikan, komposisi dan elaun LPA serta penubuhan dua syarikat yang tidak selaras dengan Artikel Pertubuhan.

### Ketua Pegawai Eksekutif

- Penyambungan kontrak KPE tiada kelulusan LPA.
- Pengurusan geran tidak cekap kerana:
  - Pengiktirafan geran tertunda sebagai hasil berjumlah RM2.43 juta tanpa dokumen sokongan.
  - RM0.92 juta dibelanjakan tidak mengikut tujuan geran diluluskan.
  - RM475,000 peruntukan tidak digunakan.
- Pembayaran kad kredit korporat berjumlah RM98,076 tanpa dokumen sokongan.

### Prosedur Operasi Standard

Ketidakpatuhan prosedur operasi standard:

- Pembayaran panjar wang runcit berjumlah RM48,102 tiada bukti semakan dan kelulusan.
- Prestasi aktiviti yang dilaksanakan tidak dapat dinilai kerana tiada dokumen berkaitan.
- Pembayaran wang pendahuluan berjumlah RM20,000 tanpa dokumen sokongan.

#### Pelan Strategik Perniagaan & Petunjuk Utama Prestasi

Tidak disediakan

#### Jawatankuasa Audit

Terma rujukan tidak disediakan dan ahli tidak mempunyai latar belakang kewangan

#### Audit Dalam

Tidak ditubuhkan

## RUMUSAN AUDIT

- 1 **Objektif** penubuhan MPN berdasarkan Artikel Pertubuhan pindaan 26 Ogos 2019 **tidak tercapai**.
- 2 Pindaan Artikel Pertubuhan MPN pada 26 Ogos 2019 menyebabkan **tiada peranan YAB Perdana Menteri dalam melantik ahli LPA dan wakil Kerajaan untuk memantau MPN** serta statusnya sebagai SBMJ yang dikawal selia oleh Kerajaan tidak dapat ditentukan.
- 3 **MPN tidak diurus dengan baik.**
  - Dua ahli LPA **tidak mengisytihar kepentingannya** sebagai pemilik saham kepada dua syarikat persendirian selaras dengan Akta 777 dan **penyalahgunaan dana** MPN bagi pembiayaan operasi kepada dua syarikat tersebut berjumlah RM373,516 mewujudkan **konflik kepentingan**.
  - **Ketidakpatuhan terhadap Artikel Pertubuhan** berhubung dengan urusan lantikan dan pembayaran elaun tetap LPA.
- 4 Tadbir urus korporat berada pada tahap **tidak memuaskan** kerana tujuh daripada lapan elemen yang dinilai tidak diamalkan sepenuhnya.
- 5 Tadbir urus yang lemah telah menyebabkan **pembayaran tidak teratur** akibat tindakan dalam operasi syarikat dilaksanakan tanpa kelulusan ahli LPA dan tidak mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan.
- 6 Kesenambungan operasi dan sumber kewangan MPN **tertakluk kepada terimaan peruntukan daripada Kerajaan**.

## SYOR AUDIT

- 1 Jabatan Perdana Menteri (JPM) perlu mengkaji semula status MPN sebagai syarikat di bawah seliaan Kerajaan. Status MPN perlu diputuskan sebelum dipertimbangkan sama ada penyaluran peruntukan geran kepada MPN wajar diteruskan.
- 2 Sekiranya MPN kekal sebagai syarikat di bawah seliaan Kerajaan, MPN perlu membuat pindaan terhadap Artikel Pertubuhan dengan memasukkan wakil Kerajaan dalam LPA untuk memantau operasi dan kewangan MPN.
- 3 JPM perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurusan MPN bagi ketakteraturan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada agensi penguatkuasaan berkaitan dan pengurusan MPN perlu dirombak secara menyeluruh.







# **RINGKASAN LAPORAN**

**Menteri Kewangan  
(Diperbadankan)**

**PENGURUSAN  
MASS RAPID TRANSIT CORPORATION  
SDN. BHD.  
(MRT CORP)**



# MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD. (MRT CORP)

MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN)

## LATAR BELAKANG



- Syarikat Berhad Menurut Syer
- Diperbadankan pada 1 Jun 2010
- Modal berbayar RM863 juta setakat 31 Disember 2023

## OBJEKTIF PENUBUHAN

1

Pemaju projek dan pemilik aset bagi projek infrastruktur pengangkutan awam

2

Mengumpul, mengurus dan menyelaraskan pembiayaan untuk pembangunan projek infrastruktur pengangkutan awam

3

Menerima wang sebagai deposit atau untuk meminjam atau mengumpul wang dengan atau tanpa cagaran

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, MRT Corp telah mencapai objektif penubuhannya sebagai pemaju projek dan pemilik aset bagi MRT1 dan MRT2 mengikut mandat yang diluluskan oleh Kerajaan. Bagaimanapun bagi Projek RTS Link dan MRT3, pencapaian sebenar masih belum boleh dinilai kerana projek masih dalam peringkat pelaksanaan. Kedudukan kewangan MRT Corp bergantung kepada penerimaan sumbangan daripada Kerajaan bagi membina infrastruktur rel. Amalan tadbir urus korporat syarikat pula adalah pada tahap memuaskan.

## PENEMUAN AUDIT

### PROJEK MRT1 DAN MRT2

- **Prestasi Pembangunan**  
**Memuaskan** - MRT1 dan MRT2 telah siap dan beroperasi sepenuhnya
- **Prestasi Pencapaian Skim Kereta Api MRT1 dan MRT2**  
**Kurang Memuaskan** - Bilangan penumpang harian, bilangan tren beroperasi dan kekerapan perkhidmatan tren waktu puncak tidak capai sasaran
- **Penyaluran Sumbangan Kerajaan**  
**Memuaskan** - Peruntukan telah dibelanjakan mengikut projek infrastruktur awam yang diluluskan
  - RM56.671 bilion disalurkan
  - RM54.576 bilion dibelanjakan
- **Kepuasan Pelanggan Terhadap Kemudahan MRT1 Dan MRT2**  
**Baik** - Kepuasan pelanggan meningkat dari tahun 2022 ke 2023
- **Pengurusan Aktiviti Pembangunan MRT1**  
**Kurang Cekap**
  - Tiada pengauditan terhadap Kos Bayaran Balik setiap enam bulan selepas tahun 2013
  - Akaun Muktamad MRT1 belum ditutup walaupun projek telah siap serta beroperasi sepenuhnya sejak tahun 2017
- **Pengurusan Aktiviti Pembangunan MRT2**  
**Baik**
  - 84 (38.2%) daripada 220 kerja pembinaan belum disiapkan dan 22,114 kes kerosakan direkodkan
  - Ganti Rugi Ditetapkan (LAD) berjumlah RM3.17 juta tidak dikenakan terhadap kelewatan kontraktor pakej kerja Depoh Jinjang

### PROJEK RTS LINK

- **Prestasi Pembangunan**  
**Baik**
  - Sasaran 57.3%
  - Pencapaian 65.1%
- **Prestasi Kontraktor Utama**  
**Tidak Memuaskan**
  - Syarikat 1 gagal mematuhi syarat kontrak bagi empat pakej kerja iaitu 1B, 2A, 2B dan 5
  - Dua syarikat lain dilantik untuk mengambil alih pakej kerja tersebut
- **Penyaluran Sumbangan Kerajaan**  
**Memuaskan** - Setakat 31 Disember 2023
  - RM1.944 bilion disalurkan
  - RM1.553 bilion dibelanjakan

### KEDUDUKAN KEWANGAN

#### **Kurang Stabil**

Bergantung kepada penerimaan sumbangan daripada Kerajaan bagi membina infrastruktur rel

### AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

#### **Memuaskan**

Lima daripada sembilan elemen diamalkan

## SYOR AUDIT

1

Memastikan ketersediaan tren beroperasi menepati sasaran Skim Kereta Api supaya kekerapan jadual perjalanan dapat ditambah baik dan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.

2

Memastikan Akaun Muktamad bagi MRT1 dapat ditutup.

3

Memastikan terma kontrak berkaitan Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi MRT2 dipatuhi.

4

Memastikan Projek RTS Link dan MRT3 dilaksanakan mengikut perancangan supaya objektif penubuhannya untuk menyediakan infrastruktur pengangkutan awam yang lebih baik tercapai.

5

Mempertingkatkan amalan tadbir urus korporat.







# RINGKASAN LAPORAN

Menteri Kewangan  
(Diperbadankan)

PENGURUSAN  
RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA  
SDN. BHD. (RHSM)



# RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN. BHD.

MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN)

## LATAR BELAKANG

Ditubuhkan pada 5 April 1994

### Objektif Penubuhan

Membangun & menguruskan perniagaan serta perkhidmatan perhotelan secara sendiri atau melalui Sistem Francais

### Aktiviti Utama

Pemilik serta pengendali rangkaian HSM dan francaisor



Syarikat Berhad Menurut Syer

### Pemegang Saham

77.1% - MKD  
22.9% - Lapan Kerajaan Negeri

### Dikawal Selia

MOF - hal korporat  
MOTAC - aktiviti RHSM

## RUMUSAN AUDIT

### 1 Hala Tuju dan Objektif Penubuhan

- Belum dicapai sepenuhnya terutama dari segi pengurusan perniagaan secara sistem francais dan reputasi HSM yang semakin menurun.
- RHSM kurang berdaya saing dalam industri kerana keadaan aset yang uzur dan memerlukan suntikan modal bagi membaik pulih keseluruhan rangkaian hotel.

### 2 Amalan Tadbir Urus Korporat

- Memuaskan dengan empat daripada sembilan elemen tadbir urus terbaik telah diamalkan.

### 3 Kedudukan Kewangan

- Stabil di bawah pengurusan baharu dengan keuntungan selepas cukai berjumlah RM0.96 juta pada tahun 2021 dan RM1.73 juta bagi tahun 2022.
- RHSM mencatatkan pengurangan kerugian terkumpul daripada RM2.72 juta kepada RM6,879 pada tahun 2022 berbanding tahun 2020.

## PENEMUAN AUDIT

### PRESTASI AKTIVITI

#### Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- 2019, 2021 dan 2022 :  
Capai antara 87.7% hingga 94.6%
- 2020 : hanya capai 72.3%

#### Pemegang Francais Berstatus Bumiputera

- 25 usahawan Bumiputera yang dilatih
- 6 (24%) masih meneruskan aktiviti perhotelan (termasuk satu francaisi)

#### Pembayaran Dividen Kepada Pemegang Saham

- Dividen RM1.39 juta dibayar kepada pemegang saham

#### Kadar Purata Penginapan (AOR)

- 2019, 2020 dan 2022 :  
Hanya mencapai antara 31% hingga 44% berbanding 37% hingga 48% sasaran
- 2021 : capai 34% berbanding 28.7% sasaran

#### Penarafan Diterima

- Penarafan antara dua hingga tiga bintang oleh MOTAC dan laman sesawang pada skala 5.6 hingga 8.4

### PENGURUSAN AKTIVITI

#### Pengurusan Sistem Francais

##### Modul Sistem Francais

- Tiada manual/panduan disediakan

#### Pengurusan Operasi RHSM

##### Pemilikan Tanah

- 4 (19%) daripada 21 HSM masih belum dipindah milik/dipajak/disewa

#### Pengurusan Operasi HSM

##### Fasiliti

- Bilik penginapan dijadikan stor
- Lot kedai tidak disenggara
- HSM Marang ditutup sejak tahun 2018

##### Penyenggaraan dan Pembaikan

- Peratusan bilik tidak boleh dijual antara 5.4% hingga 59 %

##### Promosi dan Pengiklanan

- Perbelanjaan rendah berbanding sumbangan HSM antara 8.7% hingga 22.4%

## PENEMUAN AUDIT

### TADBIR URUS KORPORAT

RHSM telah mengamalkan empat daripada sembilan elemen amalan tadbir urus korporat.

Elemen yang diamalkan ialah Pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif, Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama serta Jawatankuasa Remunerasi dan Nominasi. Lima elemen yang tidak diamalkan ialah Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Prosedur Operasi Standard syarikat, Jawatankuasa Audit, Risiko dan Integriti serta Audit Dalam.

### KEDUDUKAN KEWANGAN

**STABIL**

- RM1.73 juta lebih selepas cukai tahun 2022
- Pengurangan kerugian terkumpul daripada RM2.72 juta kepada RM6,879 pada tahun 2022 berbanding tahun 2020

### SYOR AUDIT

**1**

MOF perlu mengkaji semula pelaburan kerajaan dan kepentingannya dalam RHSM. Ini termasuk menentukan hala tuju syarikat dengan jelas sekiranya RHSM ingin kembali berdaya saing dalam industri perhotelan.

**2**

Bagi tujuan tersebut, RHSM hendaklah menyediakan dengan lengkap modul sistem francais, menyelesaikan isu pemilikan tanah di peringkat negeri dan mengambil tindakan segera terhadap laporan kerosakan fasiliti dan peralatan agar operasi HSM dapat berjalan dengan lancar dan kepentingan pemegang saham terpelihara.

**3**

RHSM perlu memantapkan amalan tadbir urus korporat.







# RINGKASAN LAPORAN

Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah

PENGURUSAN  
MARA INCORPORATED SDN. BHD.  
(MARA Inc)



# MARA INCORPORATED SDN. BHD.

## KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

### OBJEKTIF PENUBUHAN

MARA Inc sebagai:

- syarikat pelaburan dalam dan luar negara.
- syarikat pegangan pelaburan yang mengurus, memperoleh hartanah serta sebagai pemaju dan kontraktor bagi hartanah yang diperoleh.
- pembekal kuasa elektrik am termasuk penjanaan kuasa daripada sumber tenaga diperbaharui.


### MODEL PERNIAGAAN

- Berteraskan keuntungan bagi tujuan memberi pulangan kepada MARA Corp.

### AKTIVITI UTAMA

Setakat tahun 2023

- Pembangunan hartanah
- Pengurusan hartanah
- Hospitaliti
- Tenaga boleh baharu



## RUMUSAN AUDIT

MARA Inc telah melaksanakan aktiviti pengurusan hartanah selaras dengan objektif penubuhannya namun, **objektif ini belum tercapai sepenuhnya**. Pelaksanaan aktiviti **kurang cekap** sehingga menyebabkan kedudukan kerugian terkumpul sebanyak RM286.30 juta. Tunggakan pinjaman daripada MARA pula memberi impak kepada kedudukan liabiliti semasa bersih syarikat. Keadaan ini menyebabkan MARA Inc **tidak berupaya untuk membayar dividen** kepada pemegang saham sejak tahun 2014.

### PENEMUAN AUDIT

Petunjuk Prestasi Utama

Prestasi Pelaburan Hartanah

Prestasi Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari

Prestasi Kewangan Kumpulan

Sumbangan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera

Tahap Kepuasan Penyewa Hartanah

Pulangan Dividen Tahunan kepada MARA/MARA Corp

### PRESTASI AKTIVITI

Pencapaian KPI tahun 2020 - 2023 **tidak konsisten** (55% - 94.6%).

Pulangan pelaburan hartanah adalah **baik** kerana menunjukkan trend peningkatan pada tahun 2023 berbanding 2020

- Prestasi kewangan 4 daripada 5 syarikat subsidiari **kurang stabil**.
- Hanya RM28.12 juta (7.3%) dividen dibayar daripada pelaburan RM382.94 juta dalam syarikat subsidiari.
- Penjejasan nilai terkumpul pelaburan dalam syarikat subsidiari RM87.18 juta (4 daripada 5 syarikat **terjejas sepenuhnya**).

Kedudukan kewangan Kumpulan MARA Inc **kurang stabil** kerana defisit pemegang saham dan liabiliti semasa yang tinggi.

Menyumbang kepada pemerkasaan ekonomi Bumiputera.

Prestasi pengurusan 4 hartanah adalah **baik**.

Pulangan dividen tahunan **tidak memuaskan**. (RM2.88 juta kepada MARA dan tiada dividen kepada MARA Corp.)

## PENEMUAN AUDIT

### AKTIVITI PENGURUSAN HARTANAH

- RM301.20 juta suntikan modal oleh MARA digunakan mengikut tujuan yang diluluskan oleh Majlis MARA.
- Bayaran balik pinjaman MARA sebanyak RM190.60 juta (95.4%) masih tertunggak dan pelaksanaan Pelan Rasionalisasi wajar bagi menyelesaikan tunggakan hutang tersebut.

Sumber dan  
Perbelanjaan  
Dana

Pengurusan  
Penyerahan Operasi  
Hartanah

Pengurusan penyerahan operasi hartanah **kurang cekap** kerana tiada serahan dokumen yang lengkap berkaitan hartanah.

Penyenggaraan hartanah adalah **baik** kerana 99.3% aduan tahun 2020 hingga 2023 telah diselesaikan.

Penyenggaraan  
Hartanah

### TADBIR URUS KORPORAT

Kurang Memuaskan

5 daripada 9 elemen amalan terbaik tadbir urus korporat **tidak diamalkan sepenuhnya** iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Prosedur Operasi Standard dan Jawatankuasa Audit.

### SYOR AUDIT

1

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan MARA hendaklah meningkatkan pemantauan menyeluruh terhadap pencapaian prestasi syarikat subsidiari termasuk MARA Corp dan MARA Inc.

2

MARA Inc perlu menyemak semula objektif dan pelaksanaan aktiviti utama dalam pengurusan hartanah yang menguntungkan dan memberi pulangan kepada MARA Corp.

3

MARA Inc perlu menambah baik pengurusan dan pemantauan perjanjian pengurusan hartanah dengan pihak penyewa dan operator untuk menjamin kepentingan syarikat subsidiari dan MARA Inc.

4

MARA perlu memastikan penyelarasan tadbir urus korporat di peringkat MARA Corp dan syarikat subsidiarinya selaras dengan amalan terbaik yang disarankan.







# RINGKASAN LAPORAN

Kementerian Pendidikan Tinggi

PENGURUSAN  
INTERNATIONAL ISLAMIC  
UNIVERSITY MALAYSIA  
(IIUM)



# INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (IIUM)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

## LATAR BELAKANG

- Syarikat Berhad Menurut Jaminan
- Ditubuhkan pada 10 Mei 1983
- Terimaan geran Kerajaan RM4.859 bilion bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022

### OBJEKTIF PENUBUHAN


Menawarkan program asasi, prasiswazah dan pascasiswazah

Menyediakan dewan kuliah, bangunan dan kemudahan penjagaan kesihatan

Menawarkan kemudahan biasiswa dan bantuan kewangan pelajar

Menjalankan penyelidikan komersial dan melaksanakan pelaburan tanah atau sekuriti

- Geran Mengurus oleh MOF (RM3.139 bilion)
- Geran Pembangunan oleh MOF (RM1.363 bilion)
- Geran Penyelidikan oleh KPT & MOSTI (RM50 juta)
- Pengajaran & Pembelajaran
- Projek Pembangunan & Infrastruktur
- Kemudahan Kampus
- Penyelidikan



## RUMUSAN AUDIT

IIUM telah mencapai objektif menawarkan program asasi, prasiswazah dan pascasiswazah dengan berjaya menghasilkan seramai 81,767 graduan bagi tahun 2006 hingga 2022 serta memberi bantuan kewangan kepada 33,381 pelajar bagi tahun 2013 hingga 2022. Objektif penubuhan lain untuk menyediakan dewan kuliah, bangunan dan kemudahan penjagaan kesihatan belum tercapai sepenuhnya kerana projek lewat disiapkan dan fasiliti serta peralatan perubatan tidak digunakan secara optimum. Terdapat kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan pembangunan projek serta tiada perancangan teliti daripada pihak pengurusan untuk menjana pendapatan melalui hartanah dimiliki dan aktiviti subsidiarinya. Kedudukan kewangan IIUM kurang stabil dengan kurangan terkumpul berjumlah RM17.06 juta setakat 31 Disember 2022 dan bergantung kepada geran Kerajaan. Bagaimanapun, amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan.

## PENEMUAN AUDIT

### PRESTASI AKTIVITI

#### Pengajaran dan Pembelajaran

##### Pengambilan pelajar kurang memuaskan

Bilangan pelajar tempatan berdaftar kurang berbanding penawaran iaitu 25,939 orang (66%) bagi tahun 2020 hingga 2023.

##### Yuran pengajian kurang memuaskan

Penghutang pelajar luar negara tanpa tajaan berjumlah RM9.17 juta tertunggak melebihi 180 hari.

##### Prestasi Projek Rancangan Malaysia kurang memuaskan

Dua daripada lapan Projek Rancangan Malaysia Kedua Belas masih belum disiapkan setakat 31 Disember 2023.

##### Prestasi Projek Private Finance Initiative kurang memuaskan

Tempoh penyiapan Projek Centre for Foundation Studies (CFS) Fasa 3 melebihi norma tempoh pembinaan iaitu 19 bulan.

#### Projek Pembangunan (Output)

#### Kemudahan Kampus

##### Prestasi mahallah kurang memuaskan

- Kampus Pagoh merekodkan kadar penghunian terendah berbanding Kampus Gombak, Kuantan dan CFS.
- Dana amanah penginapan Kampus Pagoh mencatat defisit antara RM0.78 juta hingga RM7.80 juta.

##### Prestasi hartanah kurang memuaskan

Setakat 31 Oktober 2023, sebanyak 125 (39.6%) daripada 316 hartanah belum dapat disewakan.

##### Kedudukan kewangan kurang stabil

Setakat 31 Disember 2022, IIUM mencatatkan kurangan terkumpul berjumlah RM17.06 juta.

##### Prestasi dana endowmen kurang memuaskan

Jumlah dana endowmen tidak dapat disahkan sama ada direkodkan secara tepat kerana tiada penyata pendapatan dan perbelanjaan.

#### Kedudukan Kewangan

#### Projek Pembangunan (Keberhasilan)

##### Keberhasilan Projek Rancangan Malaysia kurang memuaskan

Projek Rancangan Malaysia - Perolehan Peralatan Hospital Pengajar SASMEC tidak mencapai keberhasilan ditetapkan kerana fasiliti tidak digunakan secara optimum.

## PENEMUAN AUDIT

### PENGURUSAN AKTIVITI

#### Projek Pembangunan

##### Pentadbiran kontrak kurang cekap

Terdapat ketidakpatuhan peraturan dan Design Concept bagi projek Private Finance Initiative.

##### Projek CFS Fasa 3 kurang cekap

Kerja pembaikan kerosakan *services road* dan cerun masih belum dibuat.

##### Kemudahan hospital tidak digunakan sepenuhnya

306 daripada 13,403 peralatan berjumlah RM12.34 juta tidak digunakan sejak tahun 2017 hingga Ogos 2023.

##### FMS diurus oleh syarikat konsesi dan subsidiari kurang cekap

- Penalti dikenakan terhadap syarikat konsesi iaitu RM0.13 juta hingga RM0.75 juta.
- Tiada potongan Key Deduction Indicator bernilai RM5.04 juta dibuat terhadap 12,873 *work order* yang belum selesai.

##### Prestasi pelaburan tidak memuaskan

Agihan dividen RM1 juta oleh subsidiari berbanding suntikan modal RM32 juta.

#### Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti (FMS)

#### Pengurusan Aktiviti Subsidiari

##### Projek dilaksanakan subsidiari tidak cekap

- Projek Variable Refrigerant Volume, Projek Energy Efficiency & Saving dan Projek Pembangunan Solar yang dilaksanakan oleh subsidiari lewat disiapkan.
- Projek R&R Gombak tidak diteruskan.

### TADBIR URUS

Dua elemen tidak diamalkan sepenuhnya iaitu SOP syarikat dan Audit Dalaman.

### SYOR AUDIT

1

Mempertingkatkan daya saing IIUM sebagai universiti tempatan berwibawa dengan menjana pendapatan melalui pengurusan yuran pengajian atau fasiliti dan sewaan hartanah yang lebih cekap dan berkesan.

2

Meningkatkan pengurusan projek pembangunan dan menambah baik klausa kontrak konsesi dan perkhidmatan pengurusan fasiliti.

3

Memastikan keputusan pematuhan Akta 586 dimuktamadkan dan memantapkan amalan tadbir urus seperti SOP syarikat dan Audit Dalaman.

4

Memastikan subsidiari membayar dividen selaras dengan polisi IIUM dan memantau pengurusan projek secara menyeluruh.







# RINGKASAN LAPORAN

Kementerian Sumber Manusia

PENGURUSAN  
PEMBANGUNAN SUMBER  
MANUSIA BERHAD  
(PSMB)



# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB)

## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

### LATAR BELAKANG



### OBJEKTIF PENUBUHAN

- Pengenaan dan pemungutan levi pembangunan sumber manusia bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja, perantis dan pelatih.
- Penubuhan dan pentadbiran Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia 2001.

### FUNGSI

- Menentukan jenis dan takat latihan dan latihan semula pekerja, perantis dan pelatih selaras dengan keperluan sumber manusia bagi industri.
- Menggalakkan dan meningkatkan latihan tenaga manusia.
- Menentukan terma dan syarat atas apa-apa geran levi atau faedah lain yang akan diberikan.

### AKTIVITI UTAMA

- Memungut dan mendapatkan levi daripada majikan berdaftar.
- Memproses permohonan levi bagi tujuan latihan.

## RUMUSAN AUDIT

PSMB telah diberikan mandat yang penting oleh Kerajaan bagi tujuan pembangunan sumber manusia negara berdasarkan kepada levi yang dikutip berjumlah RM5.266 bilion bagi tempoh 2020 hingga 2023 bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja dalam semua sektor industri di Malaysia. Pengauditan mendapati objektif penubuhan PSMB **belum tercapai sepenuhnya** kerana kelemahan pengurusan PSMB dalam melaksanakan operasi dan aktiviti syarikat mengikut tata kelola dan peraturan yang ditetapkan.

## PENEMUAN AUDIT

### PRESTASI AKTIVITI

#### Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

- Sasaran KPI tahun 2023 **tidak diluluskan** oleh Lembaga Pengarah.
- 20 daripada 30 **indikator KPI** tahun 2020 hingga 2022 telah **dipinda dan tidak diluluskan** Lembaga Pengarah.

#### Prestasi Penyaluran Levi Kepada Majikan

- Penyaluran levi tahun 2020 **tidak mencapai sasaran** KPI iaitu menyalurkan 70% daripada levi dikutip.
- PSMB **tidak menetapkan sasaran** KPI yang perlu dicapai bagi tahun 2021 - 2023 (levi disalurkan antara 31.7% - 71.2% berbanding jumlah levi dikutip).

#### Prestasi Penggunaan Geran Kerajaan

- **Baki peruntukan** Program Pembiayaan Latihan TVET untuk B40 dan Program Revolusi Perindustrian 4WRD berjumlah **RM4.81 juta** masih **belum dipulangkan** kepada Kerajaan.

### PENGURUSAN AKTIVITI

#### Pengurusan Skim Levi

- **62 permohonan** levi berjumlah **RM1.68 juta** diluluskan antara dua hingga 1,508 hari **selepas tarikh latihan**.
- Setakat 31 Disember 2023, **baki levi tertunggak** bagi 21,058 majikan berjumlah **RM205.42 juta**.

#### Pengurusan Skim Geran Kerajaan

- **3,726 peserta** Skim Gerak Insan Gemilang (GIG) di bawah Program PENJANA telah **mengikuti latihan lebih daripada sekali** di bawah skim yang sama melibatkan bayaran berjumlah **RM51.69 juta**.
- **234 permohonan** Skim GIG yang meragukan kerana mempunyai nama dan nombor kad pengenalan yang sama berulang kali.

#### Pengurusan Pelaburan

- 29 daripada 224 transaksi pelaburan mencatatkan **kerugian tidak nyata** berjumlah **RM49.38 juta**.
- Kelulusan **pembaharuan** pelaburan ekuiti **tidak teratur**.
- Proses **pembayaran deposit** bagi pembelian hartanah Menara Ikhlas berjumlah RM120 juta **tidak teratur** kerana tidak selaras dengan klausa perjanjian walaupun deposit telah dikembalikan.

## AMALAN TADBIR URUS KORPORAT

### Tidak Memuaskan

**7** daripada 9 elemen amalan terbaik tadbir urus korporat **tidak diamalkan sepenuhnya**.

## KEDUDUKAN KEWANGAN

### Stabil

Setakat 31 Disember 2022:

- Baki tunai dan bank **RM2.302 bilion**.
- Keuntungan terkumpul **RM389.95 juta**.

## SYOR AUDIT

1

Memastikan sasaran, pencapaian dan pindaan kepada KPI diluluskan Lembaga Pengarah selaras dengan Limits of Authority dan prinsip tata kelola yang baik.

2

Memastikan peraturan dan garis panduan berkaitan levi dan geran Kerajaan dipatuhi, kelulusan pelaburan mengikut Limits of Authority dan terma perjanjian dipatuhi.

3

Pihak Pengurusan melaksanakan tanggungjawab seiring dengan prinsip *duty of care* dan tata kelola yang baik dalam pengurusan syarikat.

4

Mengkaji semula keperluan pindaan terhadap Perlembagaan Syarikat berkaitan pengurusan dan operasi syarikat agar selaras dengan peruntukan di bawah Akta PSMB 2001. Sekiranya PSMB ingin mengekalkan peruntukan sebagaimana Perlembagaan Syarikat yang telah dibuat, maka pindaan Akta PSMB 2001 sewajarnya dilaksanakan agar tidak berlaku sebarang percanggahan antara Perlembagaan Syarikat dengan akta yang berkuat kuasa.

5

Kementerian perlu mengambil tindakan sewajarnya terhadap pengurusan PSMB bagi ketakteraturan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan.







# **RINGKASAN LAPORAN**

**Jabatan Perdana Menteri**

**PENGURUSAN  
INSTITUTE OF STRATEGIC AND  
INTERNATIONAL STUDIES  
(ISIS) MALAYSIA**



# INSTITUTE OF STRATEGIC AND INTERNATIONAL STUDIES (ISIS) MALAYSIA

JABATAN PERDANA MENTERI

## LATAR BELAKANG



- Syarikat Berhad Menurut Jaminan
- Ditubuhkan pada 8 April 1983
- Terimaan geran Kerajaan sejumlah RM103.87 juta bagi tempoh tahun 1983 hingga 2023

Menjalankan kajian dan menghasilkan laporan serta mengemukakan pandangan kepada kerajaan dan umum berhubung dasar Kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa

Menganjurkan persidangan, seminar, forum dan mesyuarat

Bekerjasama dengan badan Kerajaan dan institusi lain dalam penghasilan kajian yang relevan kepada negara

Menghadiri persidangan serantau dan antarabangsa

Menyediakan kemudahan rujukan dan perpustakaan

Membantu dan membimbing pelajar serta penyelidik dalam kajian yang dijalankan

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya objektif penubuhan ISIS Malaysia untuk menjalankan penyelidikan, menghasilkan laporan serta mengemukakan pandangan kepada kerajaan dan umum berhubung dasar kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa serta penganjuran persidangan telah dicapai, amalan tadbir urus korporat adalah baik dan kedudukan kewangan adalah stabil.

## PENEMUAN AUDIT

### PRESTASI AKTIVITI

Petunjuk Prestasi  
Utama (KPI)

2020 : Tidak dapat dinilai  
2021 : 89.5% tercapai  
2022 : 81% tercapai  
2023 : 100% tercapai

Trend Penghasilan  
Penyelidikan dan Persidangan

2021 :  177.8% penyelidikan  
32.4 % persidangan  
2022 :  20% penyelidikan  
28.6% persidangan  
2023 :  65% penyelidikan  
 25.7% persidangan

Penghasilan Idea  
dan Pandangan Berkaitan  
Hal Ehwal Antarabangsa



Penerbitan :  
124 (2020), 76 (2021), 100 (2022)  
& 46 (2023)



Panel temu bual :  
5 (2020), 85 (2021), 49 (2022)  
& 59 (2023)

Hasil Penyelidikan yang  
Diguna Pakai oleh  
Kementerian/Jabatan yang  
Mengawal Selia

43 input strategik & rangka kerja diguna pakai  
oleh kementerian/jabatan yang mengawal selia

Tahap Kepuasan Peserta  
Persidangan

Majoriti responden bagi 2 persidangan tahunan  
utama berpuas hati (2020 - 2023)

## PENEMUAN AUDIT

### PENGURUSAN AKTIVITI

Penyelidikan dan  
Persidangan

- Tiada Prosedur Operasi Standard (SOP) aktiviti disediakan
- 16.7% tiada kertas cadangan penyelidikan
- 41.7% projek penyelidikan lewat siap
- Kelemahan pengurusan dokumen

Pengurusan Pelaburan

- Dana Pelaburan RM29.70 juta
- Tiada terma rujukan & SOP Pelaburan
- Tiada penilaian prestasi pengurus dana

### TADBIR URUS

ISIS Malaysia telah mengamalkan enam daripada lapan elemen amalan tadbir urus korporat.

- Elemen yang diamalkan adalah Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Eksekutif, Pelan Strategik & KPI, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalam
- Dua elemen yang tidak diamalkan adalah elemen Pengerusi dan SOP syarikat

### KEDUDUKAN KEWANGAN

Stabil

- RM0.23 juta - Lebihan sebelum cukai 2023
- RM15.94 juta - Kurangan terkumpul tahun 2023

## SYOR AUDIT

1

Menambah bilangan aktiviti penyelidikan dan persidangan serta penerbitan yang boleh menjana pendapatan syarikat dengan membuat perancangan yang lebih terperinci dan membantu pelaksanaannya.

2

SOP aktiviti penyelidikan dan pelaburan hendaklah disedia serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah.







# RINGKASAN LAPORAN

**Menteri Kewangan  
(Diperbadankan)**

**PENGURUSAN  
i2M VENTURES SDN. BHD.  
(i2M Ventures)**




MENTERI KEWANGAN (DIPERBADANKAN)

Mempromosi, memasarkan dan menguruskan perniagaan di Wilayah Iskandar Puteri, Johor

- Melaksanakan program Perkhidmatan Perniagaan Global Iskandar (GBS Iskandar) di Wilayah Iskandar Puteri, Johor
- Dorman sejak tahun 2020

- Diperbadankan pada 9 April 2012
- Modal Berbayar: RM139.21 juta
- SPV tanpa pengurusan



## RUMUSAN AUDIT

Objektif i2M Ventures untuk mempromosi, memasarkan dan menguruskan perniagaan di Wilayah Iskandar Puteri tidak tercapai mengikut mandat yang diluluskan oleh Kerajaan. Amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan. Kedudukan kewangan syarikat adalah bergantung sepenuhnya kepada peruntukan daripada Khazanah Nasional.

### PRESTASI AKTIVITI SYARIKAT

#### Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Program GBS Iskandar

#### KURANG MEMUASKAN

- **6,518 (46.7%)** peluang pekerjaan diwujudkan oleh 30 syarikat pelabur.
- Jumlah *committed investment* setakat 30 Jun 2023 ialah **RM2.667 bilion (41%)**.

#### Perjanjian Masih Berkuat Kuasa

- Pencapaian sebenar antara **12.5% hingga 322.6%**.
- **6** daripada 12 pelabur mencapai KPI melebihi 100%.
  - Tahun 2020 - 4 pelabur
  - Tahun 2021 - 1 pelabur
  - Tahun 2022 - 1 pelabur
- **8** daripada 12 pelabur yang masih aktif dan beroperasi di Iskandar Puteri.

#### Perjanjian Telah Tamat

- **2** daripada 18 pelabur telah mencapai sasaran.
- **3** daripada 18 pelabur **langsung tidak mencapai sasaran**.
- **13** daripada 18 pelabur lain: Pencapaian sebenar berbanding sasaran antara **5.5% hingga 91.7%**.

#### Prestasi Penyaluran Bantuan Kewangan

#### Impak Program GBS Iskandar

#### MEMUASKAN

#### MEMUASKAN

- **RM78.21 juta** dana telah disalurkan.
- Baki **RM8.60 juta** dana belum disalurkan kepada 8 pelabur yang masih aktif.

#### Pulangan kepada Kerajaan

- **3,925 pekerjaan** - purata gaji bulanan RM4,000 hingga RM5,905.
- Pulangan berbentuk hasil cukai yang dianggarkan berjumlah **RM209.90 juta (207.6%)** iaitu RM2.68 bagi setiap RM1 bantuan kewangan kepada pelabur GBS Iskandar.

#### Pulangan kepada Khazanah Nasional

Hasil sewaan 17 pelabur GBS Iskandar berjumlah **RM24.41 juta** pada tahun 2023.

## PENGURUSAN AKTIVITI

### Pengurusan Aktiviti Program GBS Iskandar

MEMUASKAN

### Pengurusan Pemilihan Pelabur GBS Iskandar

Penyediaan dokumen dan kelulusan bagi pemilihan syarikat yang layak menyertai program GBS Iskandar telah dipatuhi.

### Pengurusan Penyaluran Bantuan Kewangan

Proses pembayaran tuntutan *customised incentives* antara **29 hingga 124 hari**.

## TADBIR URUS KORPORAT

MEMUASKAN

**3 daripada 5 elemen** tidak diamalkan sepenuhnya:  
**Lembaga Pengarah, SOP syarikat dan Pelan Strategik serta KPI.**

## KEDUDUKAN KEWANGAN

KURANG STABIL

Tidak menjana pendapatan - Hanya berfungsi untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada pelabur GBS Iskandar **melalui peruntukan yang diterima daripada Khazanah Nasional.**

## SYOR AUDIT

1

Menggiatkan **usaha mempromosi** Wilayah Iskandar Puteri bagi memastikan KPI program GBS Iskandar dapat dicapai.

2

**Memantau pencapaian KPI pelabur GBS Iskandar** seterusnya menyalurkan dana kepada pelabur yang masih aktif.

3


Memantapkan **amalan tadbir urus korporat** dalam aspek penyediaan SOP pembayaran insentif kepada pelabur.

4

**Mengkaji semula** sama ada kewujudan i2M Ventures masih relevan setelah syarikat melunaskan semua komitmen dan perjanjian dengan pelabur GBS Iskandar pada tahun 2025.





The background of the slide features a repeating geometric pattern of interlocking stars and polygons in a light gray color. This pattern is partially obscured by a solid dark purple diagonal band that runs from the top-left corner towards the bottom-right. The word "PENUTUP" is centered within this purple band.

# **PENUTUP**



## PENUTUP

1. Berdasarkan pengauditan yang telah dijalankan, terdapat keperluan penambahbaikan berterusan oleh syarikat Kerajaan Persekutuan bagi memastikan pelaksanaan aktiviti selaras dengan objektif penubuhan syarikat. Kelestarian perniagaan syarikat Kerajaan hendaklah dilengkapi dengan amalan tadbir urus yang baik bagi memastikan wujudnya keyakinan pihak awam.
2. Ketua Pegawai Eksekutif serta pengurusan syarikat perlu memantapkan kawalan dalaman secara menyeluruh memandangkan pengauditan dilaksanakan berdasarkan skop dan pensampelan. Justeru itu, tindakan penambahbaikan selepas teguran Audit perlu diambil secara berterusan. Langkah ini penting bagi memastikan syarikat mendapat nilai faedah terbaik.
3. Lembaga Pengarah syarikat juga perlu lebih proaktif memantau pencapaian syarikat dan pelaksanaan tadbir urus korporat yang baik dalam pengurusan syarikat. Selain itu, Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam syarikat juga pula perlu meningkatkan peranan masing-masing dalam memastikan semak dan imbang dilaksanakan secara menyeluruh.
4. Kementerian/agensi sebagai pemegang saham kepada syarikat obligasi awam yang ditetapkan hendaklah memantau aktiviti syarikat secara berkala. Hal ini bagi memastikan kelestarian jangka panjang syarikat dan Kerajaan mendapat pulangan daripada pelaburan yang dibuat. Pemantauan yang berkesan dapat membantu syarikat lebih berdaya saing, mencapai sasaran dan mematuhi prinsip tanpa kebergantungan kepada Kerajaan.
5. Jabatan Audit Negara juga komited untuk menambah baik proses pengauditan memandangkan penambahan bilangan syarikat Kerajaan yang perlu diaudit dengan menjalankan pengauditan secara digital serta melaksanakan pengauditan penilaian sendiri.

6. Selain memenuhi kehendak perundangan, diharap laporan ini dapat dijadikan asas dan panduan untuk memantapkan akauntabiliti dalam pengurusan syarikat Kerajaan. Laporan ini juga penting dalam menyokong usaha Kerajaan yang menekankan konsep Malaysia Madani berfokus kepada tata kelola yang baik.

**Ketua Audit Negara**

**Putrajaya**

**23 Mei 2024**







**JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA**  
ARAS 1-9, BLOK F2 & F3, KOMPLEKS F  
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62000 PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)